



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Datuk Dr. Nicol Ann David suntik semangat atlet skuasy UPM

Senarai Berita (/berita)

Datuk Dr. Nicol Ann David suntik semangat atlet skuasy UPM

Oleh: Muhamad Zamri & Ain Yumni



SERDANG, 27 Mac – Kelab Skuasy dengan kerjasama Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Program Perlawanan Akhir dan Perasmian Penutupan bagi Kejohanan Sirkuit Skuasy Tertutup UPM 2022.

Kejohanan Sirkuit Skuasy Tertutup UPM 2022 itu adalah pertandingan skuasy bersiri yang telah berlangsung sebanyak tiga sirkuit.

Sirkuit I telah berlangsung pada 9 Januari 2022, Sirkuit II pada 23 Januari 2022 dan Sirkuit III pada 27 Mac 2022 yang merupakan acara kemuncak iaitu Perlawanan Akhir dan Perasmian Penutup bagi kejohanan tersebut. Kejohanan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Divisyen 1,2 dan 3.

Perlawanan Akhir dan Perasmian Penutup bagi kejohanan ini telah dihadiri sebanyak 70 orang yang terdiri daripada para atlet, staf akademi sukan dan pelajar UPM sendiri.

Kejohanan itu dirasmikan oleh ratu skuasy negara, Datuk Dr. Nicol Ann David yang juga merupakan *Founder and Head Coach Nicol David Organisation*. Turut hadir, Pengarah Akademi Sukan UPM iaitu Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman dan penasihat bagi Kelab Skuasy UPM, Prof. Madya Dr. Yap Wing Fen.



LIHAT JUGA



WAZAN launches Zakat and Waqf al-Falch Month UPM 2022 (/berita/wazan_launches_zakat_and_waqf_al_falch_month_upm_2022-66472)



Mohammad Haziq Zikri dipilih YDP MPP UPM 2021/2022 (/berita/mohammad_haziq_zikri_dipilih_ydp_mpp_upm_2021_2022-66471)



UPM, Nestle Malaysia jalin kerjasama Program PUTRACNAP (/berita/upm_nestle_malaysia_jalin_kerjasama_program_putracnap-66470)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



BM ▾

Datuk Dr. Nicol Ann meluahkan rasa bangga beliau terhadap Kelab Kelab Skuasy UPM di atas kejayaan mengadakan kejohanan skuasy yang begitu hebat.

"Saya berasa bangga kerana kesemua peserta dan penonton yang hadir pada program ini menunjukkan minat terhadap sukan skuasy dan saya percaya dengan adanya kejohanan seperti ini masyarakat di luar sana akan lebih mengenali dan tertarik dengan sukan skuasy," katanya.

Presiden Kelab Skuasy UPM, Muhammad Fauzi Md Hairi berkata kejohanan itu adalah satu inisiatif kepada para atlet sebagai platform untuk bermain secara kompetitif dan juga memberikan pengalaman kepada atlet skuasy UPM dalam kejohanan.

"Kejohanan ini sangat penting bagi memastikan para atlet UPM bersedia untuk kejohanan yang akan datang dari segi fizikal dan mental," katanya.

Sesi interaksi antara Datuk Dr. Nicol Ann dan semua peserta menjadikan program itu istimewa kerana mereka dapat mendengar secara terus perkongsian, pengalaman serta nasihat yang memberikan semangat kepada atlet-atlet untuk berusaha dengan lebih gigih dalam sukan skuasy

Atlet kebangsaan yang telah menjadi johan bagi Divisyen 1, Muhammad Hafiz Zhafri Abdul Harif yang juga telah dinobatkan sebagai *Best Player of The Tournament* meluahkan rasa kegembiraan kerana bukan sahaja memenangi kejohanan tersebut malah merasa begitu gembira kerana perlawanannya telah disaksikan oleh idolanya dalam sukan skuasy.

"Saya berasa gembira atas kehadiran Datuk Dr. Nicol Ann David yang menyaksikan perlawanan akhir dan saya juga sentiasa mengikuti perkembangan beliau sejak dari kecil serta selalu menyaksikan perlawanan beliau bersama-sama keluarga," katanya.

Pemain skuasy baharu, Muhammad Amir Zakwan Mohd Zailani merupakan pemain termuda kejohanan yang menunjukkan persembahan dan peningkatan yang luar biasa sepanjang kejohanan ini berlangsung dan dinobatkan untuk anugerah *Rookie of The Tournament* yang sudah pasti menjadikannya lebih bersemangat dan gigih dalam sukan skuasy.

"Saya tidak menyangka akan dinobatkan anugerah ini dan ia adalah satu titik permulaan bagi diri saya untuk lebih gigih berusaha dalam sukan skuasy serta dapat menarik minat rakan-rakan lain untuk menceburi sukan skuasy," katanya. – UPM

Tarikh Input: 07/04/2022 | Kemaskini: 07/04/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fdatuk_dr_nicol_ann_david_suintik_semangat_atlet_skuasy_upm-66321&title=Datuk%20Dr.%20Nicol%20Ann%20David%20Suintik%20Semangat%20Atlet%20Skuasy%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)([/#facebook](#)) ([/#twitter](#)) ([/#linkedin](#)) ([/#email](#)) ([/#copy_link](#)) ([/#wordpress](#)) ([/#print](#))

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul
Ehsan
MALAYSIA

+603-9769
1000



spk@upm.edu.my

TALIAN
KECEMASAN
BAHAGIAN
KESELAMATAN
UPM (24 JAM)
03-9769 7990 |
03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar
Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/splh/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia
(SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/frender.action?method=home>)

Jawatan Kosong
(<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT
(<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim
(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/fgims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan
Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my/>)

Multimedia Super Corridor
(<https://mdec.my/msc-malaysia/>)

Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/>)

Agensi Kelayakan Malaysia
(<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)

Takwim UPM 2022 ([https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_\(KESELURUHAN\).pdf](https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf))



(<http://putra.upm.edu.my/>)



(<http://portal.upm.edu.my/>)



(<http://www.pertanajka.upm.edu.my/>)



(<http://www.learninghub.upm.edu.my/>)



(<http://www.psisir.upm.edu.my/>)



(<https://smp.upm.edu.my/>)



(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)



(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)



(<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)



(<http://emel.upm.edu.my/>)

LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR

BM ▾

- 
Entiti Kami
- 
Dokumen
- 
Newsletter
- 
Tetapan